

09/08/1997

Terus bangunkan ekonomi negara Islam

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perjuangan membangunkan ekonomi negara Islam mesti diteruskan demi menebus maruah ummah walaupun ia mungkin mengambil masa yang panjang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang menyifatkan perjuangan itu sama penting dengan perjuangan bersenjata, berkata ia perlu bagi mengelak negara Islam meminta-minta daripada pihak yang sebenarnya musuh mereka.

Dengan mengambil contoh penindasan terhadap Palestin, beliau berkata: "Inilah kalau kita lemah dan tidak mampu mempertahankan diri kita sendiri. Kita simpati kepada rakyat Palestin yang berani dan cinta kepada tanah air untuk menebus balik maruah bangsa mereka."

Dr Mahathir berucap pada Malam Amal Irama Palestin di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Malam amal itu bertujuan mengutip derma untuk mengisi Tabung Institut Penyelidikan Sosiologi Malaysia (MSRI) dan Tabung Kanak-Kanak dan Wanita Terabai di Palestin.

Sumbangan RM600,000 dikumpul daripada pelbagai pihak termasuk badan korporat sempena malam amal itu.

Malam amal itu diadakan sebagai sebahagian daripada aturcara lawatan 70 kanak-kanak Palestin ke negara ini.

Turut hadir ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Razak; dan Pengerusi MSRI, Dr Alijah Gordon.

Perdana Menteri berkata, kemajuan ekonomi umat Islam bukan bertujuan menindas orang bukan Islam, tetapi demi mengembalikan maruah ummah.

Bagaimanapun, katanya, apa yang berlaku di sesetengah negara Islam sekarang ialah perkelahian sesama sendiri sehingga menjejaskan kekuatan ummah.

"Di sesetengah negara Islam, orang Islam tidak berusaha mengukuhkan diri mereka, bahkan mereka bergaduh sesama sendiri.

"Malah bilangan orang Islam yang mati dibunuh orang Islam sendiri lebih ramai berbanding yang mati kerana dibunuh Yahudi. Di Bosnia saja ramai orang Islam dibunuh bukan Islam.

"Kesilapan besar umat Islam ialah kerana bergaduh sesama sendiri sehingga menolong musuh Islam untuk menentang kita," katanya.

(END)